

# Piagam Kesihatan dan Keselamatan Imerys

**Kesihatan dan keselamatan adalah keutamaan nombor satu di Imerys.**

**Kami mengambil berat tentang pekerja, kontraktor dan pelawat kami dan tidak boleh menerima sekiranya seseorang itu mungkin tercedera semasa bekerja di premis kami. Di Imerys semua orang bertanggungjawab untuk menyumbang secara aktif dalam hal berkaitan kesihatan dan keselamatan.**

Kami yakin bahawa melalui peningkatan berterusan terhadap budaya dan sistem kesihatan dan keselamatan Imerys boleh menjadi tempat kerja yang bebas dari kecederaan.

- **Komitmen pekerja menjangkaui lebih dari hanya menghormati peraturan dan prosedur. Semua orang secara peribadi bertanggungjawab untuk mengenal pasti secara proaktif dan melaporkan keadaan yang tidak selamat,** Pekerja memberi idea untuk penambahbaikan keselamatan dan memainkan peranan yang aktif dalam pelaksanaannya.
- **Penyelia memastikan idea untuk penambahbaikan akan dilaksanakan dan akan melatih pasukan mereka untuk memperoleh kecekapan. Tiada toleransi akan diberikan sekiranya piawaian kritikal Serius 7 kami dilanggar.** Penyelia perlu sentiasa mencari peluang untuk mengurangkan pendedahan risiko dan tidak akan membiarkan pengeluaran menjadi keutamaan sehingga mengabaikan hal keselamatan.
- **Pengurus tapak bertanggungjawab untuk pengurusan kesihatan dan keselamatan di apak.** Mereka perlu memastikan bahawa protokol dan garis panduan diubah menjadi prosedur yang selaras dengan keperluan undang-undang tempatan. Pengurus tapak perlu menyediakan pekerja dan kontraktor dengan latihan yang mencukupi di mengenai Take 5 dan piawaian Serius 7 Imerys.
- **Pemimpin kanan perlu memastikan bahawa tiada keputusan perniagaan dibuat yang akan menjejaskan kesihatan dan keselamatan.** Mereka memimpin melalui contoh, mengesahkan pelaksanaan sistem Imery melalui perbincangan teratur dengan pekerja semasa lawatan tapak dan menyediakan sumber yang diperlukan.

Alessandro Dazza
Chief Executive Officer
February 17 th 2020

IMERYS